

11 JUL 1996

Mesyuarat-Raja

YANG DI-PERTUAN AGONG HADIR MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA

ALOR GAJAH, 11 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini berangkat hadir ke mesyuarat ke-173 Majlis Raja-Raja di A'Famosa Resort di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengiringi Seri Paduka pada mesyuarat hari kedua yang dipengerusikan Sultan Kelantan.

Mesyuarat dua hari itu, yang pertama kali diadakan di Melaka, bermula semalam.

Mesyuarat hari ini dihadiri semua Raja kecuali Sultan Johor, Sultan Selangor dan Sultan Pahang.

Sultan Johor diwakili Tengku Mahkota Johor, Sultan Selangor diwakili Pemangku Sultan Tengku Azman Shah almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah dan Sultan Pahang diwakili oleh Tengku Muda Pahang.

Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tengku Naquiyudin Tuanku Ja'afar juga hadir.

Yang turut hadir ialah Yang Dipertua Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Raja-raja dan Yang Dipertua Negeri diiringi oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri masing-masing kecuali Kelantan yang diwakili Timbalan Menteri Besar Abdul Halim Abdul Rahman.

-- BERNAMA

MOZ AKD